

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 2000/2001

September 2000

YKT 211 - Teori dan Penyelidikan Komunikasi II

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Tiga (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Tuliskan nota ringkas mengenai semua konsep di bawah:
 - a. Kajian naturalistik
 - b. Pembolehubah bebas dan pembolehubah terikat
 - c. Ukuran ordinal dan ukuran nisbah
 - d. Ujikaji *ex-post facto*
 - e. Persampelan bertujuan

(100 markah)

2. Kaedah tinjauan melibatkan pengendalian soal-selidik ke atas sampel-sampel terpilih:
 - a. Bandingkan kekuatan dan kelemahan pengendalian soal-selidik melalui temuramah bersemuka, kendali sendiri dan melalui pos.
 - b. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan aspek-aspek yang harus diambil kira dalam membentuk soal-selidik.
 - c. Apakah yang anda faham dengan soalan terbuka, soalan tertutup dan soalan kontingensi? Berikan contoh-contoh bagi setiap jenis soalan tersebut.

(100 markah)

...2/-

3. Kaedah ujikaji sering digunakan untuk melihat hubungan kandungan media dan perlakuan sosial:
- a. Bentuk satu persoalan kajian yang berkaitan dengan pengaruh media dan perlakuan sosial dan huraikan satu rekabentuk ujikaji yang sesuai dengan persoalan kajian anda. Bincangkan kekuatan dan kelemahan kaedah ujikaji anda.
 - b. Apakah strategi pemilihan subjek yang anda gunakan? Jelaskan kenapa anda memilih strategi tersebut berbanding dengan strategi-strategi lain.

(100 markah)

4. Kerlinger (1979) berpendapat bahawa pemilihan tajuk penyelidikan malahan kaedah penyelidikan dipengaruhi oleh nilai yang dipegang oleh seseorang ahli sains.

Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan tersebut? Kaitkan perbincangan anda dengan konsep penyelidikan bebas-nilai seperti yang dibincangkan oleh Littlejohn (1989) dan konsep objektiviti oleh Babbie (1986).

(100 markah)